

NOTA KETERANGAN

Unjuran Taburan Penduduk

Data penduduk 2001 hingga 2010 adalah data unjuran yang berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000 yang disesuaikan untuk kurang perhitungan serta semakan semula data berdasarkan *trend* terkini kadar kesuburan dan pekerja asing.

Unjuran penduduk menggunakan kaedah Kadar Pertumbuhan Eksponen:

$$P_{t+n} = P_t e^{r \cdot n}$$

di mana,

P_{t+n} : Penduduk pada tahun $t+n$ e : Berasaskan kepada neperium logarithm

P_t : Penduduk pada tahun t n : Bilangan tahun

r : Kadar pertumbuhan P : Bilangan penduduk
 $= [\ln (P_{2000} / P_{1991})] / 9$

Nisbah Tanggungan

Nisbah tanggungan ialah nisbah di antara bilangan penduduk berumur bawah 15 tahun dan bilangan penduduk berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun.

$$\text{Nisbah tanggungan} = \frac{\text{Bilangan penduduk berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun ke atas}}{\text{Bilangan penduduk berumur 15 – 64 tahun}} \times 100$$

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

KDNK merupakan jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.

Pendapatan Negara Kasar (PNK)

PNK merujuk kepada pengeluaran oleh penduduk negara, sama ada mereka bermastautin dalam wilayah tempatan atau tidak. KDNK boleh ditukar kepada PNK dengan menambah pendapatan faktor bersih dari luar negara.

Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM)

IKHM adalah satu ukuran aggregate kualiti hidup yang dikira menggunakan 42 petunjuk mewakili sebelas komponen kehidupan. Komponen tersebut adalah pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam, kebudayaan dan liburan. Petunjuk tersebut dipilih berdasarkan kepentingan dan sejauh mana ianya mencerminkan aspek kehidupan.

Sumber:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri